

**Tubuh PSC MH370 segera, kata Kit Siang kepada Najib
Malaysian Insider
20 Mac, 2014**

DAP hari ini menggesa Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Kabinetnya meluluskan penubuhan Jawatankuasa Khas Parlimen (PSC) bagi menyokong usaha mencari dan menyelamatkan (SAR) serta siasatan skala besar dalam kehilangan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Penasihatnya, Lim Kit Siang (gambar) berkata, satu e-mel dikirimkan kepada Najib bagi menyatakan hasratnya terhadap penubuhan jawatankuasa itu selaras dengan apa yang diusulkan Ahli Parlimen Seremban Anthony Loke di Dewan Rakyat hari ini.

“Kita sekarang berada pada hari ke-13 setelah lebih 300 jam kerja SAR membabitkan ratusan kapal, helikopter dan pesawat serta radar daripada 26 negara bagi mengesan MH370.

“Nampaknya masih belum ada petunjuk yang dapat memastikan pesawat itu berada sejak ia hilang pada 8 Mac lalu meskipun imej satelit Australia hari ini mengesan dua objek yang berkaitan, namun ia belum dapat disahkan,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Loke hari ini menghantar satu notis ke Parlimen menggesa satu PSC ditubuhkan bagi memantau kerja SAR MH370 yang sedang giat dijalankan.

Katanya, insiden MH370 ini perlu dilihat mengatasi kepentingan politik dan menggesa ahli Parlimen kerajaan serta pembangkang memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada usul itu sebagai lambang solidariti.

Lim berkata di waktu dunia menunjukkan lambang penyatuan dalam kerja SAR, Malaysia terutamanya wakil rakyat perlu turut sama menunjukkan sokongan kerja SAR dengan menjalankan penyiasatan yang intensif dan menyeluruh terhadap krisis MH370.

Katanya, menerusi e-mel yang dikirimkan kepada perdana menteri, Lim menggesa Kabinet meluluskan jawatankuasa berkenaan esok supaya semua wakil rakyat kerajaan mahupun pembangkang dapat memberikan sokongan tidak berbelah bahagi terhadap usul yang dikemukakan.

“Dalam e-mel saya kepada Najib, saya menekankan sebagai sebuah negara yang terjejas dengan krisis MH370, Malaysia bukan sahaja perlu memimpin kerja SAR tetapi pasca SAR pelbagai negara.

“PSC MH370 perlu ditubuhkan segera sebagai persediaan kepada pasca operasi SAR sebelum siasatan skala besar dijalankan,” katanya. – 20 Mac, 2014.

Hakcipta © 2014 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tubuh-psc-mh370-segera-kata-kit-siang-kepada-najib>